

Insentif jana khidmat lebih berkualiti

Pelaksanaan gaji minimum akan bermula pada Januari ini di semua sektor termasuk taman asuhan kanak-kanak (TASKA) swasta.

Keadaan ini amat menyuarakan pengusaha TASKA Melayu berdaftar yang rata-rata mengenakan yuran di antara RM200 hingga RM250 saja bagi setiap kanak-kanak.

Nisbah kanak-kanak dan pengasuh ialah 3:1 untuk bayi bawah setahun, 5:1 untuk kanak-kanak setahun hingga tiga tahun dan 1:10 untuk kanak-kanak tiga hingga empat tahun mengikut Akta TASKA 1984 (pindaan 2007).

Syarat bilangan kanak-kanak

Bilangan kanak-kanak yang boleh diambil perlu mengikut keluasan lantai premis iaitu 3.5 meter persegi bagi seorang kanak-kanak. Kebanyakan TASKA hanya dibenarkan mengambil lingkungan 20 orang kanak-kanak bagi rumah teres lot tepi.

TASKA swasta sedia ada juga terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi termasuk sewa rumah, utiliti, kos makanan, gaji pekerja serta ca-



Peningkatan gaji pengasuh wajar bagi mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. [GAMBAR HIASAN]

rumah KWSP dan Perkeso. Kenaikan harga makanan dan utiliti mutakhir ini menyuarakan lagi keadaan.

Sebagai contoh TASKA yang mengambil 20 kanak-kanak mesti mempunyai sekurang-kurangnya empat pengasuh dan seorang penyelia. Sekiranya gaji minimum dibayar termasuk KWSP dan Perkeso, ia menjangkau perbelanjaan lebih RM1,000 seorang pengasuh/penyelia iaitu melebihi jumlah RM5,000 sebulan un-

tuk pekerja.

Pendapatan RM5,000 sudah pasti tidak dapat menampung perbelanjaan keseluruhan iaitu termasuk sewa rumah, utiliti, kos makanan kanak-kanak dan pelesenan.

Perbelanjaan yang tinggi dan pendapatan yang masih rendah ini menyebabkan rata-rata gaji pengasuh di TASKA swasta berdaftar di Pahang masih dalam lingkungan RM400 hingga RM700. Gaji ini tidak banyak berubah sejak

lebih 20 tahun.

Pengasuh sering berhenti kerja

Ini menyebabkan TASKA swasta menghadapi masalah pengasuh sering berhenti kerja dan pengganti amat sukar.

Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) menyambut baik usaha kerajaan bagi memastikan gaji minimum dinikmati oleh semua rakyat. Peningkatan gaji pengasuh akan mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Apa pun nasib pengusaha dan pengasuh TASKA swasta yang berdaftar perlu juga diberi perhatian.

Oleh itu, insentif kepada TASKA swasta dan pengasuh sedia ada perlu juga diberi bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Saya menyarankan pemberian subsidi gaji setiap bulan dengan jumlah yang bersesuaian kepada pengasuh TASKA swasta yang berdaftar. Ini bagi memudahkan majikan menambah bagi mencukupkan keperluan gaji pengasuh sesuai dengan kadar gaji minimum RM900 yang ditetapkan.

Salina Shamsudin

Pengerusi Persatuan Pengasuh Negeri Pahang